



MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM

(JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN)

- PEKELILING -

58

selangor.ku

* KEJUJURAN DAN KETEKUNAN *

Fail : (69)MBSA/PTD/SM/100-1/1 Jld. 3

Tarikh : 12 Ogos 2014
16 Syawal 1435H

Kepada;

Semua Pengarah Jabatan/Ketua Bahagian
dan Pengurus Pejabat Cawangan
Majlis Bandaraya Shah Alam

Tuan/Puan,

PEMAKAIAN PAKAIAN BATIK MALAYSIA OLEH PEGAWAI DAN KAKITANGAN AWAM PADA HARI KHAMIS

Dengan segala hormat takzimnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Melalui Surat Edaran JPA(S) TT. 193/37 Jld.4 (86) bertarikh 30 Jun 2005 Kerajaan telah memutuskan supaya pakaian batik Malaysia dipakai oleh pegawai awam pada hari pertama dan hari ke-15 setiap bulan. Arahan ini juga dijelaskan di perenggan 4, Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2006.

3. Walaubagaimanapun, dalam usaha menyokong perkembangan dan pembangunan industri batik negara yang merupakan warisan dan identiti negara, Kerajaan telah meminda hari pemakaian batik oleh pegawai awam kepada **setiap hari Khamis** melalui Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2008. Arahan ini juga ada dijelaskan melalui Surat Pekeliling Negeri Selangor Bilangan 2 Tahun 1992. Untuk itu, Jabatan Khidmat Pengurusan telah mengedar Surat Pekeliling Peraturan Berpakaian Masa Bekerja MBSA/PTD/SM/100-1/1 Jld.2 bertarikh 5 Februari 2014 kepada semua Jabatan/ Bahagian dan Pejabat Cawangan untuk makluman dan tindakan.

3. Namun begitu, didapati terdapat segelintir warga kerja Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) yang tidak mematuhi peraturan tersebut. Tindakan ini sedikit sebanyak boleh menjejaskan imej Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) di mata orang awam. Pegawai dan kakitangan perkhidmatan awam adalah sepatutnya mematuhi garis panduan pemakaian yang telah ditetapkan selain tampil sopan dan kemas demi menjaga imej perkhidmatan awam.

4. Arahan pemakaian batik pada setiap hari Khamis adalah tidak terpakai kepada pegawai dan kakitangan awam yang dibekalkan dengan pakaian seragam dan dikehendaki memakainya atau pegawai yang menghadiri majlis rasmi yang menetapkan pemakaian jenis pakaian yang lain.

5. Ditegaskan juga, pakaian batik yang dimaksudkan ialah batik buatan Malaysia. Bagi pegawai dan kakitangan lelaki, hendaklah memakai baju batik **berlengan panjang dan berkolar. Lengan baju juga tidak boleh dilipat**. Manakala, bagi pegawai dan kakitangan wanita pula hendaklah memakai pakaian batik yang bersesuaian dengan **penampilan yang sopan**. Spesifikasi pakaian batik yang dibenarkan adalah seperti di Lampiran.



PAKAIAN BATIK